



# BULETIN POLITEKNIK NILAI MEI-OGOS 2020



## MAJLIS MENANDATANGANI COC (CERTIFICATE OF COLLABORATION) DI ANTARA POLITEKNIK NILAI (PNS) DAN MALAYSIA UNIVERSITY OF SCIENCE AND TECHNOLOGY (MUST)

Lt. Kol. (PA) Bersekutu Haji Nazri bin Idris (Pengarah, PNS) dan Prof. Dr. Premkumar Rajagopal (President, MUST), telah menandatangani *Certificate of Collaboration* (CoC). Kedua-dua institusi berhasrat agar dapat menjalankan jalinan kerjasama dari aspek program, R&D, seminar dan kursus bertauliah di kalangan staf dan juga pelajar.

## MESYUARAT KOLABORASI DI ANTARA POLITEKNIK NILAI DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM

Satu mesyuarat kerjasama antara Politeknik Nilai dan Universiti Teknologi Mara, Shah Alam telah diadakan. Turut serta menghadiri mesyuarat tersebut adalah Tn. Hj. Nazri bin Idris (Pengarah Politeknik Nilai), En. Mohd Zin bin Hasan (Timbalan Pengarah Akademik), Dr. Isdawati binti Ismail (Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan Industri) dan Pn Hajah Fatimahwati binti Abdul Hamid (Ketua CISEC).



## MESYUARAT JARINGAN KOLABORASI BERSAMA MALAYSIA UNIVERSITY SCIENCE AND TECH- NOLOGY DENGAN POLITEKNIK NILAI

Mesyurat Jaringan Kolabrsasi bersama COO MUST yang dipengerusikan oleh Dr. Isdawati binti Ismail (Timbalan Pengarah Sektor Penyelidikan dan Jaringan Industri)

# BULETIN POLITEKNIK NILAI MEI-OGOS 2020



## KURSUS PPK EFFECTIVE COMMUNICATION IN TVET

Kursus PPK ini merupakan kursus yang wajib diikuti oleh semua PPPT Skim DH dan merupakan salah satu pra syarat yang perlu dipenuhi sebelum membolehkan mereka memo-hon kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.



## KURSUS TOT LATIHAN KHAS *INTERNET OF THINGS (LANDSCAPE HORTICULTURE)*

Seramai 12 peserta dari Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) telah diajar cara membuat peranti IoT dan App Mobile IoT seperti Blynk. Kursus ini diharap bakal melahirkan pensyarah ke arah pelaksanaan *internet of things* dan IR4.0



## KURSUS E-LEARNING (CIDOS)

Penyelaras e-Learning Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah mengadakan Kursus CIDOS bermula jam 9 pagi bertempat di Makmal CAD 1, JKM. Semua pensyarah JKM terlibat menghadiri kursus tersebut. Antara pengisian kursus ini adalah CIDOS fundamental dan ketetapan penyelaras kursus bagi pensyarah yang terlibat.



# BULETIN POLITEKNIK NILAI MEI-OGOS 2020



## KURSUS FLOWER ARRANGEMENT SIRI 1

Seramai 20 orang peserta dari kakitangan DBKL yang telah menyertai dan tamat dengan jayanya dalam kursus yang dijalankan. Antara aktiviti adalah gubahan pentas dan juga hiasan meja



## KURSUS GOOGLE CLASSROOM UNIT PENDIDIKAN ISLAM, JABATAN PENGAJIAN AM

Kursus telah dikendalikan oleh Tn. Hj. Sahalani Basar, Pensyarah Utama Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK). Tujuan kursus ini adalah sebagai persediaan pdp dalam talian bagi Sesi Jun 2020



## BENGKEL ASAS WOODBALL BERSAMA DATO SHAM (NAIB PRESIDEN KELAB WOODBALL METROPOLITAN)

Disertai oleh lima orang pensyarah PNS di mana PNS di dalam proses menubuhkan Kelab Woodball dan membina gelanggang woodball.

# BULETIN POLITEKNIK NILAI MEI-OGOS 2020



## BENGKEL CNC MILLING

Penyelaras Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) JKM, telah mengadakan Bengkel CNC Milling yang berlangsung selama 2 hari iaitu pada 22 & 23 Julai 2020 bermula jam 8.00 pagi - 5.00 petang bertempat di Makmal CADCAM, JKM. Aktiviti ini adalah pengkongsian kepakaran daripada Staf Politeknik Nilai kepada rakan kolaborasi Kolej Vokasional Ampangan yang disertai oleh pelajar dan staf KV Ampangan



## STEM INNOVATION PROJECT

Delegasi dari Politeknik Ungku Omar (PUO) yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Dr. Izwah Ismail melawat prototaip Future Classroom di PNS. Projek ini adalah cetusan idea dari team STEM PNS yang diketuai oleh Ts. Dr. Anuar Hassan.



# BULETIN POLITEKNIK NILAI MEI-OGOS 2020



## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) STAFF PNS 2019 DAN MAJLIS 'HI-TEA'



## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH DAN SIJIL PROGRAM BACAAN KEGEMERAN SAYA

Program telah dijalankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 1 hingga 14 April 2020. Program ini merupakan salah satu aktiviti bagi memartabatkan budaya membaca dalam kalangan warga Politeknik Nilai.

## SUMBANGAN KHIDMAT BAKTI APM

Menerima cenderahati daripada Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) Negeri Sembilan di atas sumbangan dan khidmat bakti PNS sebagai tempat frontliner berkampung bermula 18 Mac hingga 30 Jun 2020 di Lodge Cemara Inn PNS untuk petugas di pusat kuarantin di Institut Aminuddin Baki (IAB).



# BULETIN POLITEKNIK NILAI MEI-OGOS 2020



## MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT PEMATUHAN ISO 9001-2015 SECARA ATAS TALIAN.

Sesi audit berpusat di *Future Classroom* Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK). Audit dilaksanakan oleh En Muhammad Fadhlullah Rahmat. Unit Dasar & Jaminan Kualiti (UDJK), Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) dan Jabatan Pengajian Am (JPA) antara unit dan jabatan yang dipilih untuk diaudit.




## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN POLITEKNIK NILAI KALI KE - 7

Mesyuarat Agung Tahunan Puspanita Cawangan Politeknik Nilai Kali Ke-7 Tahun 2020 telah berlangsung secara maya melalui Aplikasi Cisco Webex secara julung kalinya pada tahun ini. Antara agenda mesyuarat adalah pelantikan baru Jawatankuasa PUSPANITA 2019/2021, cabutan bertuah dan Anugerah Cemerlang PUSPANITA. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pn Yusmina Yusof, Pengerusi PUSPANITA Cawangan PNS.

## KICK OFF MEETING BERSAMA YTL FOUNDATION

Mesyuarat melalui Aplikasi Webex ini dianjurkan oleh Pusat Teknologi Pendidikan dan Multimedia.





# BULETIN POLITEKNIK NILAI MEI-OGOS 2020



## PEMATUHAN SOP KAWALAN COVID-19

Persediaan JPA dalam pengendalian kuliah sesi Jun 2020 bagi mematuhi SOP kawalan COVID-19. Warga Jabatan Pengajian Am (JPA) telah bekerjasama bergotong royong dalam memastikan setiap ruang di bawah seliaan JPA termasuk Pejabat JPA, Makmal, Bilik Kuliah dan lain lain. Ini adalah persediaan awal ke arah memastikan pengendalian kuliah JPA bagi sesi Jun 2020 selaras dan mematuhi setiap SOP kawalan penyakit berjangkit (Covid-19).



## PROGRAM GOTONG ROYONG STOR & NURSERI JAB

Unit Hortikultur Lanskap telah menjalankan Program Gotong Royong Stor & Nurseri JAB bertujuan untuk membersih, mengemaskini peralatan pdp, menyusun atur peralatan dan perabot serta membuang barang yang tidak diperlukan lagi.



## KENDURI DURIAN 2020

Julung kalinya kenduri ini diadakan di Politeknik Nilai. Kenduri telah dianjurkan oleh Kelab Kebajikan & Rekreasi Kakitangan (KKRK) PNS bersama Pusat Islam ini telah mendapat sambutan yang meriah dari semua warga PNS.

# BULETIN POLITEKNIK NILAI MEI-OGOS 2020



## AHLI SIDANG REDAKSI

**Penaung**

Lt. Kol. (PA) Bersekutu Haji Nazri Idris (Pengarah PNS)

**Penasihat**

Dr. Isdawati Ismail (Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan Industri)

**Ketua Editor**

Nur Hazeleen Bashah

**Editor**

Dr. Hajah Nor Hayati Fatmi Talib

Hasani Gazali

**Editor Teknikal**

Qyurulzeta Ishak

**Editor Rekabentuk**

Azalinda Mat Saad